

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

FCP 453 Farmasi Masyarakat

Masa : (2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Soalan 1 adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

ANGKA GILIRAN : _____

1. **Soalan Pilihan Berganda.** Jawab semua soalan dengan menandakan (/) pada ruang yang dikhaskan bertentangan dengan jawapan atau pernyataan yang **BETUL ATAU PALING SESUAI** bagi sesuatu soalan. Hanya **SATU** jawapan/pernyataan sahaja yang betul atau paling sesuai bagi tiap-tiap soalan. Sebahagian markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.

(A) Yang mana di antara rawatan-rawatan berikut sesuai untuk ruam lampin?

- (a) Salap krotamiton 5%
- (b) Emulsi benzil benzoat
- (c) Gama benzen haksaklorid
- (d) Salap setrimid 5%

(B) Bimbingan ibu untuk anak yang mengalami ruam lampin termasuk.....

- (a) penggunaan lampin gunahabis jenis "Pampers".
- (b) pembilasan lampin kapas dengan cuka cair.
- (c) menukar lampin gunahabis pada setiap kali anaknya kencing.
- (d) (a), (b) dan (c) adalah benar.

(C) Pemilihan ubat selesema dan batuk pada kanak-kanak dibuat berasaskan kepada.....

- (a) penggunaan ubat-ubat yang mencegah alahan.
- (b) keupayaan kanak-kanak menggunakan ubat.
- (c) maklumat yang terdapat pada label ubat.
- (d) frekuensi penggunaan tidak mengganggu aktiviti hariannya.

...3/-

ANGKA GILIRAN : _____

(D) Diarea pada neonat dapat diatasi dengan

- (a) memberikan sirap loperamid.
- (b) menukar susu kepada sediaan bebas laktosa.
- (c) memberi terapi bendalir dan elektrolit.
- (d) (a), (b) dan (c) di atas adalah benar.

(E) Seorang bayi yang menerima susu tiruan mungkin mengalami diarea akibat

- (a) intoleran laktosa.
- (b) kelebihan kalsium.
- (c) shigellosis.
- (d) (a), (b) dan (c) adalah benar.

(F) Bayi yang mengalami demam dapat dirawati dengan

- (a) menjelum dengan air sejuk.
- (b) menggunakan aspirin 250 mg q.i.d
- (c) menggunakan parasetamol sirap 250 mg q.i.d
- (d) (a), (b) dan (c) adalah benar.

ANGKA GILIRAN : _____

(G) Berikut adalah di antara tugas dan peranan Ahli Farmasi Komuniti, kecuali....

- (a) menjalankan kempen kesedaran kesihatan di kalangan masyarakat.
- (b) berupaya untuk mengesahkan jenis penyakit.
- (c) berupaya untuk menilai aduan pesakit dan kesesuiannya untuk swa-pengubatan.
- (d) bertindak sebagai pengurus dan pentadbir.

(H) Yang mana di antara simptom-simptom berikut sesuai untuk swa-pengubatan ?

- (a) Kehilangan berat badan.
- (b) Sakit di dalam telinga.
- (c) Sputum berwarna kuning atau hijau.
- (d) Gatal-gatal mata.

(I) Krim urea adalah sesuai untuk melegakan kulit yang terlalu kering. Ia adalah suatu...

- (a) agen oklusif.
- (b) humektan
- (c) agen anti-inflamatori
- (d) demulsen

ANGKA GILIRAN : _____

(J) Yang mana di antara gabungan-gabungan berikut adalah benar?

- (a) Zink sulfat - antipruritik
- (b) Asid Borik - antiseptik
- (c) Karbamid peroksid - agen pelembut
- (d) Natrium Dokusat - suatu pelicin

(K) Berikut adalah maklumat kaunseling yang sesuai untuk penggunaan ubat titis mata, kecuali....

- (a) pemakai kanta sentuh yang bersifat hidrofilik perlu menanggalkannya sebelum mengguna ubat titis mata.
- (b) salap mata boleh diguna pada bila-bila masa sahaja.
- (c) pesakit perlu dijelaskan mengenai kemungkinan ubat itu mengalir kebahagian tekak.
- (d) perlu mengelak daripada mengosok mata selepas mengguna ubat titis.

(L) Kejayaan sesuatu farmasi komuniti itu boleh tercapai dengan mempunyai ciri-ciri berikut, kecuali...

- (a) keupayaan mengurus dan berpengetahuan klinikal.
- (b) mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik.
- (c) mempamerkan berbagai jenis sediaan dan reka-bentuk farmasi yang unik.
- (d) menjalankan aktiviti kaunseling pesakit.

ANGKA GILIRAN : _____

(M) Yang mana diantara kes-kes berikut adalah sesuai untuk swa-pengubatan dengan sediaan-sediaan OTC ?

- (a) Pesakit diabetik yang mengalami sakit-sakit urat.
- (b) Pesakit hipertensi yang mengalami selesema.
- (c) Pesakit yang mengambil terapi steroid dan mengalami akne di bahagian muka dan belakang.
- (d) Pesakit artritis yang mengadu sakit-sakit sendi pada waktu pagi.

(N) Yang mana di antara interaksi drug-drug OTC berikut menyebabkan kesan tambahan ?

- (a) Tablet Aspirin - Ampaian Magnesium Trisilikat
- (b) Krim Tretinoin - Krim Asid Laktik
- (c) Sirup Bismuth Subsalisilat - Tablet Aspirin
- (d) Minyak Galian - Tablet Multivitamin

(O) Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut tentang kondom adalah benar?

- (a) Keberkesanan kondom akan berkurangan sekiranya salah seorang pasangannya berpenyakit gonorea.
- (b) Saiz kondom perlu ditukar jika berat badan pengguna bertambah 5 kilogram.
- (c) Keberkesanan kondom tidak berubah samada digunakan bersama dengan sediaan spermasid atau tidak.
- (d) Penggunaan kondom yang berpelincir boleh membantu mengurangkan iritasi vagina.

ANGKA GILIRAN : _____

- (P) Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut tentang rinitis alahan adalah tidak benar?
- (a) Simptomnya jarang sekali melibatkan demam.
..... (b) Pesakit jarang sekali merasa lesu dan sakit otot.
..... (c) Ia adalah jangkitan yang diakibatkan oleh virus.
..... (d) Ianya jarang sekali menyebabkan jangkitan sekunder.
- (Q) Yang mana di antara agen-agen berikut diklasaskan sebagai agen antihistamin?
- (a) Triprolidin
..... (b) Fenilpropanolamin
..... (c) Fenilefrin
..... (d) Oksimetazolin
- (R) Yang mana di antara kumpulan antihistamin berikut mempunyai kesan lali atau mengantuk yang paling tinggi?
- (a) Alkilamin
..... (b) Piperazin
..... (c) Etilenediamin
..... (d) Etanolamin

...8/-

ANGKA GILIRAN : _____

(S) Komponen aktif di dalam sediaan spermisid adalah.....

- (a) nonoksinol-9
- (b) nonukprosinol-9
- (c) kombinasi nonukprosinol-9 dengan oktoksinol-9
- (d) progesteron sahaja

(T) Yang mana di antara kaedah kontraseptif berikut tidak dicadangkan kepada wanita yang belum mempunyai anak?

- (a) Kondom
- (b) Spermisid
- (c) Diafram
- (d) Alat kontraseptif di dalam rahim (IUCD)

(U) Yang mana di antara berikut perlu dipertimbangkan untuk menghitung jumlah pinjaman bank bagi memulakan perniagaan farmasi?

- (a) Perbelanjaan utiliti.
- (b) Faedah bank.
- (c) Kos promosi.
- (d) Semua di atas.

ANGKA GILIRAN : _____

(V) Kawalan inventori di farmasi komuniti harus melibatkan perkara-perkara berikut, kecuali

- (a) insuran produk.
- (b) barangang luput/rosak.
- (c) kos pengendalian produk.
- (d) kos utiliti.

(W) Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut adalah benar?

- (a) Semua bentuk pengiklanan mengenai sesuatu farmasi adalah dilarang.
- (b) Kos tetap yang terlibat untuk operasi suatu farmasi termasuklah kos pembelian bahan-bahan mentah, peralatan dan sediaan-sediaan ubat.
- (c) Di antara halangan komunikasi di farmasi adalah susunan perabot dan pakaian ahli farmasi.
- (d) Di antara fungsi farmasi komuniti termasuklah menentukan jenis penyakit yang dialami oleh pelanggan/pesakit.

(X) Yang mana di antara kumpulan-kumpulan bahan aktif sediaan anti-hemoroid OTC berikut tidak dianggap selamat dan berkesan?

- (a) Agen anestetik setempat.
- (b) Agen pelindung.
- (c) Agen antiseptik.
- (d) Agen penyembuh-luka.

ANGKA GILIRAN : _____

(Y) Yang mana di antara gabungan-gabungan drug OTC - preskripsi berikut menunjukkan interaksi yang signifikan?

- | | | |
|----------------------|---|---------------|
| (a) Kalsiferol | - | vitamin E |
| (b) Metildopa | - | difenhidramin |
| (c) Fenitoin | - | asid folik |
| (d) Glikazid | - | dektrometofan |

(25 markah)

ANGKA GILIRAN : _____

2. (A) Puan WA (35 tahun, 50 kg) berhasrat untuk mengguna alat kontraseptif di dalam rahim (IUCD) memandangkan anaknya masih kecil. Beliau mengatakan yang dia mengidapi diabetes mellitus sejak 10 tahun yang lalu.

- i. Berasaskan maklumat di atas, bincangkan dengan ringkas samada WA sesuai untuk menggunakan IUCD.

(5 markah)

- ii. Terangkan masalah-masalah yang sering dialami oleh pengguna-pengguna IUCD.

(4 markah)

- iii. Bincangkan nasihat yang perlu diberikan kepada pengguna IUCD yang baru.

(5 markah)

- (B) i. Bincangkan bagaimana agen antihistamin dapat membantu di dalam rawatan selesema. Namakan dua (2) sediaan antihistamin yang boleh digunakan untuk merawat selesema.

(7 markah)

ANGKA GILIRAN : _____

- ii. Namakan satu agen antihistamin kumpulan piperidin serta bezakan kesan sampingan kumpulan ini berbanding yang lain.

(4 markah)

3. Bincangkan tajuk-tajuk berikut.

- (A) Langkah-langkah penukargantian sediaan susu pada bayi yang mengalami diarea.

(10 markah)

- (B) Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan drug-drug OTC pada bayi.

(10 markah)

- (C) Faktor-faktor yang mempengaruhi proses penilaian nutrisi bayi.

(5 markah)

...13/-

ANGKA GILIRAN : _____

4. (A) Nyatakan kriteria yang boleh diguna untuk menentukan samada sesuatu masalah kulit itu sesuai atau tidak untuk swa-pengubatan dengan sediaan tanpa preskripsi. Berikan contoh yang sesuai.

(5 markah)

- (B) Cik T datang ke farmasi anda untuk membeli pil perancang. Mengikut cik T, dia tahu cara mengguna pil tersebut kerana telah menggunakannya sejak dua tahun yang lalu. Di samping itu, beliau juga ingin membeli suatu sediaan krim kulit yang sesuai kerana sejak dua-tiga bulan ini kulitnya terasa kering dan gatal-gatal.

Apakah tindakan dan cadangan anda ?

(5 markah)

- (C) Encik AA menelefon anda untuk mengetahui samada krim Retin-A^R sesuai atau tidak untuk isterinya yang mengalami jerawat.

Apakah tindakan dan cadangan anda ?

(10 markah)

- (D) Huraikan dengan ringkas hemoroid yang tidak sesuai untuk swa-pengubatan.

(5 markah)

...14/-

ANGKA GILIRAN : _____

5. Encik KH, seorang ahli farmasi berhasrat untuk membuka sebuah kedai farmasi dengan seorang rakan kongsinya, Encik AB, seorang ahli perniagaan.

Kajian awal memberikan butir-butir berikut:

- | | | |
|----------------------|-----------------|--|
| (i) Sewa bulanan | : | RM 800.00 |
| (ii) Deposit | : | 6 (enam) bulan dan 1 (satu)
bulan sewa. |
| (iii) Jumlah pekerja | : | 4 orang |
| (iv) Gaji pekerja : | RM 500 seorang. | |

- (A) Berapa banyakkah modal yang diperlukan untuk projek tersebut?

(10 markah)

- (B) Berapa banyakkah jualan diperlukan untuk mencapai tahap 'Break-even-point (BEP)'?

(10 markah)

- (C) Apakah maksud dengan Syarikat Perkongsian?

(5 markah)